



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

[Perhatian: Ruangan ini adalah mengucapkan dukacita atas peninggalan Almarhum Encik

‘Uthmān Kalām yang telah memberikan khidmat-khidmatnya yang lama dan besar sebagai Ketua Lajnah ruangan ini.

Kita berharap kaum keluarganya diberi Allah kesabaran dan mudah-mudahan jasa-jasa yang telah diberikan

oleh beliau di dalam memberi pertunjuk di dalam hal ehwal agama itu amalnya diterima dan dibalas

oleh Tuhan dengan sepenuh-penuh rahmat, amiin –Sidang Lajnah Abu al-Mokhtar].

Aḥmad Bin Daḥlān, Assam Jawa, P.O. Bukit

Rotan – Selangor bertanya: Sahkah atau tidak puasa bagi seorang yang sedang di dalam junub?

Jawab: Sah puasa bagi seorang yang di dalam junub.

Hadis sabda Nabi (SAW) yang maksudnya: Ummu Salamah telah

berkata: Rasulullah (SAW) pernah bangun pagi

dengan keadaan berjanabah kerana jimak, bukan kerana

ihtilam (tetapi) ia tidak berbuka puasa dan tidak

ia qada’ (hadis sahih Riwayat Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan hadis ini maka puasa itu sah.

Berkenaan masa mandi adalah agama tidak meletakkan batasan

padanya ia boleh mandi pada malam hari dan boleh pada pagi

sebelum habis Subuh dan boleh pula sesudah habis

Subuh jika sekiranya kebetulan ia bangun sesudah

Subuh – yakni sekiranya sebab janabahnya oleh jima’ atau bermimpi

pada malam hari, sedang kalau bermimpi pada siang hari hendaklah

ia mandi sebelum luput waktu sembahyangnya.

\* \* \*

Aḥmad Bin Kunmin, Kolej Rod, Singapura bertanya:

Mengikut pendapat ahli sains bahawa turunnya hujan itu

ialah disebabkan oleh awan tetapi mengikut ajaran agama

bahawa turunnya hujan itu ialah dengan kuasa Tuhan –

dan dengan pendapat ahli sains itu bermakna ia

menidakkan adanya kuasa Tuhan. Oleh itu wajibkah kita

percaya pendapat ahli sains itu? Jika tidak apakah

hukumnya orang-orang yang beragama Islam yang mengajar pendapat

ahli itu di sekolah?

Jawab: Di dalam keadaan sehari-hari di bumi Allah ini

tiap-tiap makhluk dan keadaan di sekelilingnya adalah mengikut

sunnah Allah yakni tiap-tiap sesuatu berjalan dengan kelaziman-Nya.

Makanan itu telah menjadi sunnah Allah tidak akan masuk

ke perut melainkan dengan ikhtiar dan usaha kita sendiri

tetapi makanan yang telah hampir kepada mulut itu tidak

dapat kita menentukan bahawa makanan itu tetap masuk

ke mulut kita kerana terkadang-kadang dengan kerana sesuatu

sebab yang lain makanan itu akan terjatuh daripada tangan

kita – ke tanah atau sebagainya yang menjadikan kita tidak

dapat lagi memakannya.

Demikianlah seterusnya telah menjadi sunnah Allah bahawa kita

tidak akan berilmu jika kita tidak belajar tetapi belum

tentu kita berilmu dengan kita belajar kerana walau bagaimana pun natijah daripada pelajaran itu adalah berada daripada pemberian Allah.

Dengan perbandingan ini maka ilmu sains itu adalah ia suatu usaha yang disuruh oleh Tuhan bagi tiap-tiap makhluk untuk mencari rahsia-rahsia alam dunia ini untuk keperluannya sendiri sedang tiap-tiap orang yang mempelajari ilmu sains itu sedikit benar yang dapat berjaya kerana diyakinkan bahawa yang memberi kebolehan kepadanya itu adalah kekuasaan Tuhan.

Telah menjadi sunnah Allah bahawa awan itu mengandungi air dan apabila telah berat sangat maka menjadilah ia hujan. Untuk mengetahui itu tentulah dengan usaha dan ikhtiar demikian juga kegunaannya, oleh sebab itu pengajaran ilmu sains itu tidak salah asakan sahaja orang yang mengajar dan yang diajar itu ingat bahawa alam semesta ini dikuasai oleh Tuhan sedang ia sebagai makhluk hanya berikhtiar untuk mencari segala rahsia kejadian-Nya yang diluaskan oleh-Nya – yakni memikirkan segala kejadian di bumi ini supaya ia dapat memikirkan kebesaran Allah sebagaimana juga yang diperintahkan oleh-Nya di dalam firman-Nya maksudnya:

Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi, pertukaran-pertukaran malam dan siang, kapal yang berlayar di lautan, yang berfaedah kepada manusia, hujan yang diturunkan Allah dari langit, maka dihidupkan-Nya bumi yang telah mati: berkeliaran di atasnya bermacam-macam binatang, angin yang bertiup dan mega yang terbentang antara langit dan bumi, sesungguhnya adalah segala yang tersebut itu menjadi bukti atas kekuasaan Allah yang Esa, bagi kaum yang berakal (al-Baqarah 164). Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi, dan pertikaian malam dan siang itu menjadi suatu tanda atas kekuasaan Allah bagi orang yang berakal (Āli-‘Imrān 190).

Ada beberapa banyak lagi ayat-ayat yang menyuruh kita berusaha memikirkan kejadian itu untuk menyaksikan

kebesaran-Nya sedang yang ditegah ialah untuk menyiasat dan memikirkan zat-Nya sebab kalau zat-Nya yang difikirkan itulah menjadikan banyak orang-orang kita yang gila sebab bagaimanapun payah hendak memikirkannya.

\* \* \*

Muhammad Yūsuf Muda, Kampung Pauh Lima, Bachok Kelantan bertanya: Saya menjadi guru pelatih sekolah Melayu oleh sebab itu mengikut kaedah mengajar sekarang mestilah menggunakan alat-alat yang sekurang-kurangnya gambar, tiba-tiba sedang saya mengajar agama berkenaan dengan mengenal Nabi Muhammad (SAW) seorang guru pelawat menyuruh saya membuat gambar Nabi itu. Apakah hukumnya? Bolehkah saya membuatnya?

Jawab: Nabi itu adalah makhluk Allah yang keadaanya seperti manusia biasa. Kelebihannya ialah ia menerima wahyu Tuhan dan menyampaikan perintah-perintah Allah kepada manusia – disuruh-Nya berbuat kebajikan dan ditegahnya berbuat kejahatan dan diserunya supaya mengesakan Tuhan. Dengan kerana itu adalah ia dijunjung dan dimuliakan oleh umat dan jasa-jasanya diakui sekalian manusia sama ada yang beriman dengannya atau pun orang lain.

Ulama'-ulama Islam telah sepakat bahawa tidak membenarkan orang membuat gambar beliau dengan kerana menghormati beliau dan menjauhkan daripada perbuatan-perbuatan umat kelak mengadakan persembahan kepada gambar-gambar itu, kerana sangat-sangat hendak memuliakannya. Dengan sebab itulah diharamkan oleh Islam membuat atau menggambar wajah beliau yang sangat mulia itu.

Tegahan yang serupa itu sekarang terbukti kerana sedangkan gambar-gambar pemimpin sahaja telah jadi persembahan apalagi keadaan seperti beliau. Dengan kerana itu adalah hak bagi tuan ingkar kepada perintah guru pelawat itu dan tidak pula akan menjadi seperkara yang tidak terang untuk menerangkan perjalanan beliau dengan tidak menyertakan gambar.

Gambar-gambar yang mustahak di dalam pelajaran bukan gambar wajahnya tetapi lazimnya gambaran perjalan tamsil yang lain

yang tidak kena mengena dengan beliau. Walhasil membuat gambar junjungan kita Muhammad (SAW) itu adalah dipandang oleh umat Islam sebagai suatu kehinaan.

\* \* \*

Sulaymān Ahmad, Batu Pahat bertanya: Saya sekarang sangat musykil tentang kedudukan pemuda-pemuda kita yang nampaknya dari sehari ke sehari jauh atau kurang perhatian mereka kepada agama. Apakah satu ikhtiar yang baik untuk menarik perhatian mereka kepada beragama itu?

Jawab: Perhatian ini sebenarnya tepat. Kita melihat sekarang pemuda-pemuda kita telah banyak menjauhi agamanya disebabkan kerana kurang pengertian dan asuhannya kepada agama.

Untuk membawa perhatian mereka lebih cenderung kepada agama maka adalah menjadi kewajipan kepada tiap-tiap orang Islam memberi pertunjuk kepada mereka dengan cara-cara yang bijaksana. Yang utama diberikan kepada mereka ialah pengenalan mereka kepada tauhid dengan menunjukkan kenyataan yang tepat dan jitu – boleh dibanding dan difikirkan dengan masak-masak. Kita percaya dengan cara yang bebas dan cara memberi fahaman yang demikian itulah sahaja dapat dipalingkan perasaan pemuda-pemuda kita kepada agamanya kerana jika jitu tauhid telah tertanam maka sudah tentu ia tidak akan berpaling daripadanya.

Tentang kewajipan memberi pertunjuk itu adalah kewajipan bersama di antara kita umat Islam tetapi semakin besar pengetahuan dalam agama maka semakin besar pula tanggungannya.

\* \* \*

Muhammad Yūnus Ahmad, Sabak Bernam bertanya: Bolehkah tuan memberi keterangan tentang keadaan air mani perempuan dan air mani lelaki dan bagaimana percampurannya itu boleh menjadikan lelaki atau perempuan – mengikut keterangan agama?

Jawab: Pada zaman Nabi (SAW) suatu jemaah kaum Yahudi telah datang menghadap beliau untuk menguji kenabian

beliau dengan mendatangkan empat pertanyaan – dengan mengaku bahawa jika pertanyaan-pertanyaan mereka tepat dijawab maka mereka bersedia memasuki Islam. Di antara empat pertanyaan itu, pertanyaan di atas mengikut pendapatan kita, adalah seakan-akan menyerupai pertanyaan di atas. Kandungan pertanyaan jemaah Yahudi itu ialah: Betapakah air (mani) laki-laki dan perempuan itu?

Jawab yang diberi oleh junjungan kita (SAW) kepada mereka (maksudnya): Saya tanyakan kepada kamu dengan nama Tuhan yang tiada Tuhan melainkan Allah yang telah menurunkan Tawrat kepada Musa: “Adalah kamu ketahui bahawa air lelaki itu putih tebal sedang air perempuan itu kuning dan tipis. Maka yang mana meninggi, adalah anak yang terjadi pada percampuran di antara lelaki dan perempuan itu menyerupai dengan izin Allah: Jika lebih tinggi air lelaki daripada perempuan maka lelaki anaknya dengan izin Allah: dan jika tinggi air perempuan daripada air lelaki perempuanlah anak itu dengan izin Allah”.

Kita berpendapatan dengan riwayat ini memadai jawapan saudara penanya itu.

---

Persekutuan Bahasa Melayu

University of Malaya

Suatu lagi badan bahasa yang akan berusaha ke arah perkembangan bahasa dan persuratan Melayu ialah “Persekutuan Bahasa Melayu University of Malaya” yang telah didirikan baharu-baharu ini.

Persekutuan ini telah membentuk suatu lembaga bagi mencari dan memikirkan perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu, diambil atau diterjemah dari bahasa asing, mengenai ilmu sains, perubatan dan arts.

Lembaga ini juga ditugaskan menyiasat dan menetapkan ejaan-ejaan dan perkataan-perkataan Melayu sama ada dalam tulisan jawi atau rumi.

Usaha lembaga ini dibahagi tiga. Pertama, bahagian menterjemah dan menetapkan perkataan-perkataan dalam ilmu arts, sains, perubatan dan lain-lain. Diketuai oleh A. Ali bin Haji Ahmad.

Kedua: Bahagian mengatur ejaan diketuai oleh A. Tahir Rahim.

Ketiga: Bahagian mengatur nama-nama dan gelaran-gelaran Melayu di dalam ilmu memegang buku (Book Keeping). Diketuai oleh Ungku Aziz Abdul Hamid.